

Headline Cabaran bendung jenayah komersial
 Date 14. Oct 2008
 Media Title Harian Metro
 Section Setempat
 Circulation 336603
 Readership 2192000
 Language MALAY
 Page No 14
 Article Size 193 cm2
 Frequency Daily
 Color Full Color
 AdValue



>>Oleh Faizatul Farlin
 Farush Khan
 faizatul@metro.com.my

Cabaran bendung jenayah komersial

PENYELEWENGAN wang, kecurian identiti, penipuan, mencuri, jenayah kolar putih, rasuah dan sogokan adalah antara bentuk jenayah ekonomi yang sering berlaku dalam dunia korporat di seluruh dunia.

Jenayah ekonomi bukan masalah kecil kerana boleh memberi kesan kepada semua golongan, daripada muda hingga tua, miskin hingga kaya, industri, ekonomi dan masyarakat secara keseluruhannya, hingga mampu menghancurkan ekonomi sesebuah negara.

Malaysia baru-baru ini menjadi tuan rumah kepada persidangan 'Jenayah Ekonomi di Asia: Perspektif Global' bagi memberi peluang peserta bidang perbankan dan syarikat korporat mengadakan perbincangan mengenai permasalahan jenayah kolar putih serta cara menanganinya.

Menurut Kajian Jenayah Ekonomi Global Suku Keempat dijalankan Pricewaterhouse Coopers pada 2007, jenayah ekonomi kekal antara masalah serius dalam dunia perniagaan di serata dunia, termasuk Malaysia.

Justeru, tiada industri yang kebal daripadanya biarpun kesan diterima daripada bentuk penipuan berbeza.

Apabila berlaku jenayah ekonomi di sesebuah negara, ia akan memberi kesan negatif kepada pertumbuhan ekonominya, terutama jika kerajaan tidak dapat menanganinya dengan berkesan.

Jenayah ekonomi jika diabaikan berleluasa akan menarik sesebuah negara ke dalam keadaan kleptokrasi iaitu masalah jenayah ekonomi menjadi sangat serius dan meluas sehingga seolah-olah negara itu diperintah pencuri.

Penting bagi sesebuah kerajaan untuk memahami cara berkesan menguruskan jenayah ekonomi bagi menjaga keselamatan aset dan kekayaan yang sepatutnya menjadi milik bersama.

Mengapa jenayah ekonomi terus berlaku walaupun pelbagai langkah diambil bagi menanganinya?

Sifat tamak menjadi punca utama mengapa segelintir eksekutif tertinggi dalam sesebuah syarikat besar dan berpengaruh selama puluhan tahun menipu wang syarikat demi mengisi poket sendiri sehingga syarikat terbahit lumpuh dan ramai kehilangan kerja, contohnya yang berlaku di Amerika Syarikat.

Selain itu, masalah sikap manusia yang tidak bertanggungjawab dan pemikiran yang menghalalkan perbuatan salah mereka seperti syarikat tidak akan rugi kerana



CHOR...boleh ragut kekayaan negara

ada insurans' atau 'kalau bukan aku, orang lain akan buat juga' menyebabkan jenayah komersial berterusan.

Pengaruh Pusat Pengurusan Penipuan Kolej Universiti Help, Akhbar Satar yang menjadi peserta persidangan itu, berkata jenayah ekonomi sering berlaku dan hampir

Pengurusan tertinggi sektor awam, swasta atau syarikat berkaitan kerajaan (GLC) perlu menitikberatkan pemeriksaan latar belakang pekerja, termasuk personaliti, minat, kecenderungan, rekod kerja sebelum ini sebelum mengambilnya bekerja bagi mengelak kerugian. Pastikan hanya mereka yang mempunyai nilai diri terbaik seperti jujur dan amanah berada di bahagian latihan untuk melatih pekerja baru kerana mereka akan memberi pengaruh kepada kakitangan.



AKHBAR...sering berlaku ketika ekonomi gawat

mustahil untuk dibanteras semua, tetapi ia akan memuncak setiap kali berlaku kegawatan ekonomi.

"Langkapan berkaitan jenayah komersial oleh PDRM (Polis Diraja Malaysia) sepanjang 2006 membatik jumlah penipuan RM833 juta berbanding RM799 juta

pada 1998 ketika negara mengalami masalah ekonomi," katanya ketika ditemui Harian Metro.

Menurutnya, berdasarkan kes lalu, pesalah jenayah ekonomi kebanyakannya lelaki bijak, rajin, menampilkan personaliti kelas tinggi dan berani mengambil risiko.

Katanya, kira-kira 40 peratus jenayah ekonomi dalam sesebuah syarikat berlaku di bahagian kewangan manakala 12 peratus lagi berlaku di bahagian pemberian kontrak.

"Antara profil pesalah jenayah ekonomi di negara ini adalah bijak berkomunikasi, berusia antara 26 hingga 40 tahun, berkhidmat sekurang-kurangnya antara dua hingga lima tahun, berpendidikan tinggi dan mempunyai gaji antara RM15,000 hingga RM30,000 sebulan," katanya.

"Jenayah ekonomi boleh ditangani di sesebuah syarikat melalui kepemimpinan berdasarkan teladan dengan pihak pengurusan tertinggi menunjukkan contoh terbaik dalam menyemai sifat jujur dalam syarikat selain mempunyai satu unit kawalan dalaman yang cekap," katanya.

Antara amaran awal yang boleh mendedahkan kegiatan jenayah ekonomi dalam sesebuah syarikat adalah personaliti pekerja yang menimbulkan tanda tanya seperti sanggup bekerja lebih masa tanpa bayaran, enggan ber-

cuti dan pulang lewat setiap hari.

Selain itu, golongan ini terlalu rapat dengan pelanggan syarikat, percaya kepada seorang sahaja, tidak mahu dibantu orang lain, bersikap perahsia, berbelanja di luar kemampuan, egoistik, kaki judi, terbabit dengan dadah dan enggan menerima kenaikan pangkat.

Katanya, pengurusan tertinggi sesebuah syarikat sama ada sektor awam, swasta atau syarikat berkaitan kerajaan (GLC) perlu menitikberatkan pemeriksaan latar belakang pekerja secara terperinci, termasuk personalitinya, minat, kecenderungan, rekod kerja sebelum ini sebelum mengambilnya bekerja bagi mengelakkan kerugian pada masa depan.

"Perlu dipastikan hanya mereka yang mempunyai nilai diri terbaik seperti jujur, amanah dan bertanggungjawab ditempatkan di bahagian latihan untuk melatih pekerja baru kerana mereka akan memberi pengaruh positif pada pekerja baru.

"Kakitangan yang pernah mempunyai rekod jenayah komersial tidak harus diletakkan di unit latihan kerana ia akan memberi kesan negatif kepada pekerja baru berikutan nilai diri yang rapuh," katanya.

Dalam ucapan perasmian di persidangan itu, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung, berkata Malaysia kini lebih menyedari mengenai kewujudan dan implikasi jenayah ekonomi berdasarkan kes penyiasatan dijalankan Badan Pencegah Rasuah yang mematahkan kes rasuah dan sogokan berprofil tinggi.

Katanya, setiap negara, termasuk Malaysia semakin mengambil berat menangani masalah berkenaan sebagai jenayah serius kerana boleh meragut kekayaan serta integriti masyarakat.

"Kita yakin jenayah itu akan dapat diatasi dan dikawal dengan lebih baik melalui pengenalan beberapa langkah menangani masalah terbabit antaranya perjanjian penyerahan, pindaan undang-undang bagi hukuman lebih berat dan meningkatkan kesedaran orang awam dan melalui pendidikan," katanya.